☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 31/1/2012
Hari: SELASA M/S: 15
Ruangan: Aspirasi Global

Meneruskan usaha bapa

MENYIFATKAN bapanya, Allahyarham Shafie Ariffin sebagai salah seorang pemimpin yang dikenali di tanah rancangan, Izham merasakan tanggungjawab itu tidak sepatutnya berhenti setakat itu sahaja.

Manakan tidak, Persatuan Khairat Kematian yang diasaskan bapanya pada 1972 ketika menjadi peneroka dulu masih lagi aktif sehingga ke hari ini.

"Sejak saya kembali dan mula berkhidmat sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam pada 1984, saya mula terlibat secara aktif dengan aktiviti di tanah rancangan.

"Bagi saya ini sahaja legasi yang harus dipertahankan untuk memastikan masyarakat peneroka terus bersatu dan mampu merealisasikan agenda nasional.

"Tambahan pula di Felda Batu Lapan, peneroka asal sudah ramai yang meninggal dunia, jadi sebagai generasi kedua, kami perlu meneruskannya," kata Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan Khairat Kematian Felda Batu Lapan ini.

Izham menegaskan, walau setinggi mana sekalipun kaki melangkah, asal usul tidak boleh dilupakan kerana hasil sebagai peneroka telah 'memanusiakan' ramai generasi baru Felda untuk berjaya dalam pelbagai bidang.

"Jujurnya, saya bersedia membantu, selagi khidmat saya diperlukan. Apa yang saya mahu, ialah usaha generasi pertama tidak disia-siakan begitu sahaja," tegas beliau.

SOKONGAN isteri, Aizee Rosemey Abd. Rashid, menjadi tunjang kejayaannya hari ini.



AKTIVITI paramotor menjadi salah satu hobi Izham Shafie.

hasil pendapatan getah tidak seberapa. Apa yang disediakan hanyalah memenuhi keperluan ala kadar.

Jika mahu menambah pendapatan, mereka terpaksa membuat kerja-kerja kampung. Keadaan ini tidak berlarutan terlalu lama sehinggalah pokok mula berhasil dan pendapatan peneroka semakin meningkat.

● Kenali Panglima Awang di darjah satu

"Tetapi di sebalik semua kesusahan yang kami lalui, saya kagum dengan cara ayah saya berfikir. Sebagai orang kampung yang tidak berpendidikan tinggi dan tidak didedahkan dengan dunia luar, dia melihat betapa perlunya saya mengikuti pendidikan awal sebelum melangkah ke tahun satu.

"Tambahan pula waktu itu, kesedaran masyarakat mengenai pentingnya keperluan pendidikan awal kanak-kanak tidak seperti pada hari ini.

"Saya masih ingat lagi, bagaimana ayah sanggup berjumpa dengan guru-guru di sekolah semata-mata untuk membolehkan saya bersekolah lebih awal berbanding rakan-rakan sebaya yang lain," kata anak ketiga daripada lima beradik ini.

Terdedah dengan alam persekolahan seawal usia enam tahun dan dikelilingi rakan-rakan sekelas yang setahun lebih tua daripadanya, beliau terpaksa belajar menyesuaikan diri bagi mengelakkannya tertinggal dalam pelajaran.

"Walaupun pada peringkat awal saya agak keberatan dan meragam tidak mahu ke sekolah, tetapi lama-kelamaan saya menyukai suasana di sekolah.

"Guru-guru sentiasa memberi dorongan dan tunjuk ajar kepada kami semua. Malah, mereka juga mula mengenalpasti potensi saya dalam bidang akademik. Bayangkan ketika di darjah satu lagi, ada guru memberikan buku Panglima Awang untuk memupuk minat membaca dalam diri saya.

"Pemikiran bapa saya yang jauh ke hadapan banyak mendidik saya menjadi manusia yang berguna," kata bekas pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH), Alor Setar ini.

● Hantar anak ke sekolah Cina

Maka tidak hairanlah, apabila Izham amat menitikberatkan pendidikan awal buat semua anaknya dan mereka diberi kebebasan untuk memilih kursus yang diminati apabila melanjutkan pengajian ke universiti.

Anak sulungnya, Putra Ezree, 28, merupakan jurutera di sebuah syarikat di Pulau Pinang manakala yang kedua, Indra Zaim, 23, masih menuntut di Brisbane, Australia dalam bidang bioteknologi. Anak ketiga, Hariz Hazmi, 21, yang juga penerima Biasiswa Felda mengikuti pengajian perakaunan di Universiti Melbourne, Australia.

Untuk si bongsu pula, beliau mengambil langkah yang sama apabila turut menghantar, Danel Hazri, 16, ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa di Kodiang untuk membolehkannya menguasai bahasa Mandarin dari peringkat awal.

Selain mampu bertutur dan menulis dengan baik dalam bahasa ketiga itu, Danel juga memperoleh 8A dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan kini bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Arau, Perlis.

"Tetapi ini perlukan sedikit pengorbanan kerana sebelum itu, saya hantar Danel ke sekolah tadika Cina selama dua tahun supaya dia fasih berbahasa Mandarin apabila melangkah ke darjah satu dan tiada sebarang masalah dalam pembelajaran," ujarnya.

Bagi Izham dan isterinya, Aizee Rosemey Abd. Rashid, mereka lebih gemar bersikap terbuka bersama anak-anak dalam apa jua perkara supaya hubungan kekeluargaan bertambah erat.

IZHAM Shafie mengisi masa terluangnya dengan aktiviti menembak.

EMPAT putera memeriahkan keluarga Izham Shafie dan isterinya, Aizee Rosemey Abd. Rashid.

Profil

Nama : Prof. Madya Izham Shafie
Asal : Kg. Sanglang, Kedah
Tarikh lahir: 19 Jun 1958
Jawatan : Pensyarah Statistik dan Matematik di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah

Pendidikan
1989 : Ijazah Sarjana Sains (MSc.) Matematik di India State University, Amerika Syarikat
1984 : Diploma Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
1983 : Ijazah Sarjana Muda (BSc.) Matematik dan Statistik di Universiti of Wales, United Kingdom
1979 : A-Level di Swansea College, Wales, United Kingdom

Pengalaman bekerja
1989 : Pensyarah di UUM
1987 : Tutor di Sekolah Ekonomi UUM
1984 : Pensyarah sambilan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perlis
1984 : Guru Matematik di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam, Alor Setar, Kedah

Isteri : Aizee Rosemey Abd. Rashid

Anak-anak :
- Putra Ezree, 28, jurutera di Pulau Pinang
- Indra Zaim, 23, menuntut di University of Queenland, Brisbane, Australia (bioteknologi)
- Hariz Hazmi, 21, penerima Biasiswa Felda di University of Melbourne, Australia (perakaunan)
- Danel Hazri, 16, tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Arau, Perlis.